

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)**

**BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN DAN PEMURNIAN PROSES KERJA RMC 2018**

Bengkel Pemantapan Pengurusan dan Pemurnian Proses Kerja RMC 2018 telah diadakan pada 01 hingga 03 Februari 2018 bertempat di KSL Hotel & Resort, Johor Bahru. Objektif utama bengkel adalah untuk membincangkan mengenai struktur organisasi dan proses kerja baharu RMC, selaras dengan penstrukturan semula Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC). Bengkel telah dimulakan dengan aluan oleh Profesor Dr. Mohd. Amri Lajis, Pengarah RMC dan seterusnya amanat oleh Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Bengkel turut membincangkan mengenai misi, visi, objektif kualiti dan piagam pelanggan RMC yang baharu.



**LAWATAN KAJIAN IMPAK  
PROGRAM RESEARCH ACCULTURATION COLLABORATIVE EFFORT (RACE)**

Pada 06 Februari 2018 bertempat di Bilik Seminar 1, FKEE telah diadakan Lawatan Kajian Impak Program Research Acculturation Collaborative Effort (RACE). Lawatan ini telah diketuai oleh Profesor Madya Dr. Azmawani Abd Rahman, Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Putra Malaysia (UPM). Beliau turut diiringi oleh dua Sekretariat RMC, UPM iaitu Cik Tan Mee Yean dan Cik Nur Zahira Zulkifli. Manakala UTHM diketuai oleh Profesor Dr. Mohd Amri Lajis, Pengarah RMC. Tujuan lawatan adalah untuk menemubual penyelidik-penyelidik geran RACE di UTHM mengenai prestasi projek masing-masing serta berkongsi maklumat dan permasalahan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang tempoh menjalankan penyelidikan berkenaan.



### PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

#### BENKEL SEMAKAN KEJITUAN DAN PIAWAIAN DATA MENGIKUT MyRA®2017

Pada 28 Februari 2018 telah berlangsung Bengkel Semakan Kejituan dan Piawaian Data Mengikut Malaysia Research Assessment (MyRA®) di War Room, RMC. Bengkel ini dihadiri Profesor Dr. Mohd. Shahir Shamsir Omar dan Puan Zuridah Saadan dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selaku panel yang dilantik. Seramai lebih kurang 30 pegawai dari pelbagai Pusat Tanggungjawab selaku *data feeder/owner* telah terlibat dalam bengkel ini. Objektif utama bengkel adalah untuk memastikan data yang terkumpul adalah mengikut glosari MyRA® Kementerian Pendidikan Tinggi. Selain memberi kefahaman kepada semua pegawai yang terlibat mengenai Glosari MyRA®, bengkel ini juga merupakan persediaan universiti untuk program audit dalam MyRA® yang akan diadakan pada Mac 2018.





## PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

### BENKEL SEMAKAN KEJITUAN DAN PIAWAIAN DATA MENGIKUT MyRA@2017

